

03 JUN 2002

Mahathir-Pekerja/I

JANGAN KORBANKAN PEKERJA DEMI GLOBALISASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata globalisasi tidak harus membawa kepada pengangguran berleluasa semasa syarikat-syarikat dan institusi-institusi kewangan bergabung untuk menghadapi fenomena ini.

Perdana Menteri berkata trend perbadanan-perbadanan gergasi serta bank-bank bergabung dan memperoleh yang lain untuk menjadi lebih besar menunjukkan saiz dan kekuatan akan memastikan kejayaan dalam perniagaan.

Semua orang tahu, kata beliau, yang sebagai entiti besar ia menyumbangkan kepada kecekapan dan kos yang lebih rendah tetapi penjimatan itu boleh datang dalam bentuk pengurangan tenaga kerja dan akhirnya pengangguran bagi ramai orang.

"Oleh itu kita perlu memikirkan dengan teliti mengenai tafsiran globalisasi sekarang ini. Kita tidak mahu melihat pengangguran berleluasa dalam dunia syarikat-syarikat gergasi global," kata beliau semasa merasmikan persidangan serantau ulung kali Union Network International-Asia Pacific Regional Organisation (UNI-APRO) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata walaupun kos produk adalah lebih rendah kerana kecekapan lebih tinggi, produk-produk itu masih tidak dapat dicapai oleh mereka yang hilang pekerjaan atas kepentingan kecekapan.

Di sebaliknya, Perdana Menteri berkata apabila kesatuan-kesatuan sekerja menjadi sangat kuat, mereka sering kali tidak memikirkan dengan mendalam semasa menggunakan kuasa mereka untuk mendesak gaji lebih tinggi tanpa menghiraukan kos produk yang meningkat.

Beliau berkata, negara-negara baru mengambil kesempatan dengan kos buruh yang lebih rendah, produk-produk negara-negara perindustrian lama menjadi tidak kompetitif menyebabkan kehilangan penguasaan pasaran.

Selain daripada menyumbangkan ke arah kos produk yang lebih tinggi, beliau berkata perbuatan mendesak pampasan lebih tinggi bagi kerja yang dilakukan akan membawa kepada kos kehidupan yang lebih tinggi, dan ini sebaliknya akan menjejaskan kuasa membeli pekerja.

"Gaji yang lebih tinggi tanpa kuasa membeli yang lebih tinggi tidak bermakna," tambah beliau lagi.

Dr Mahathir juga berkata adalah lebih baik pertikaian majikan-pekerja diselesaikan dengan kaedah timbang tara melalui pihak ketiga dan bukan dengan konfrontasi atau dengan menunjukkan kekuatan.

Mengulas mengenai globalisasi, Perdana Menteri mengulangi akan perlunya dunia baru ini menjadi lebih saksama daripada segi pengagihan kekayaan di kalangan semua pihak.

Dr Mahathir berkata kemakmuran seluruhan dunia harus diagihkan secara saksama di meja rundingan dengan setiap pihak diberikan perwakilan saksama dan hak sepenuhnya.

"Adalah penting pengagihannya jangan pula merugikan satu pihak dan menguntungkan yang satu lagi, bulan melalui revolusi ganas dan memiskinkan mereka yang kaya dalam mencapai kesaksamaan dengan yang miskin atau untuk memiskinkan lagi mereka yang sudahpun miskin," katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata UNI mesti membantu dalam mentafsirkan semula globalisasi supaya ketidakaksamaan antara pelbagai kelas dan negara digantikan oleh sistem-sistem yang akan memastikan kesaksamaan dan keadilan bagi semua.

Lebih kurang 500 perwakilan mewakili dua juta anggota di rantau Asia-Pasifik menghadiri persidangan tiga hari itu yang bertemakan

"Pekerjaan dan Keadilan Dalam Dunia Global".

UNI, persekutuan kesatuan sekerja global bagi kemahiran perkhidmatan dilancarkan pada 1 Jan, 2000 ekoran gabungan empat badan kesatuan sekerja global.

Dengan lebih kurang 15 juta anggota di seluruh dunia, UNI berhasrat menawarkan anggota-anggota kesatuan satu suara yang lebih berkesan dalam berurusan dengan perbadanan-perbadanan multinasional, kerajaan-kerajaan dan institusi-institusi antarabangsa.

-- BERNAMA

MAM MFJ PR